

POLISI PEMBERIAN INSENTIF MYGIFT UMP

1.0 Bagi menggalakkan penglibatan warga UMP, ahli-ahli Kelab Alumni dan individu yang berminat dalam aktiviti penjanaan pendapatan Universiti, setiap sumbangan yang dibawa masuk akan dikategori kepada peringkat dan peratusan insentif/caj pentadbiran seperti kadar di bawah:

1.1 Kadar pemberian insentif yang baru adalah seperti jadual di bawah:

NO	KATEGORI	JUMLAH SUMBANGAN	INSENTIF UNTUK INDIVIDU/ KUMPULAN
1	Gold	dari RM250,001.00 dan ke atas	3%
2	Silver	dari RM50,001.00 hingga RM250,000.00	4%
3	Bronze	dari RM30,000.00 hingga RM50,000.00	5%

Jadual 1 : Peratusan pemberian Insentif MyGift

1.2 Jumlah syiling bagi pemberian Insentif MyGift adalah berjumlah RM300,000. Jika perolehan MyGift melibatkan pembayaran insentif melebihi RM300,000 dan ke atas, kelulusan khas perlu diperolehi daripada Lembaga Pemegang Amanah MyGift.

(nota: Penelitian semula dan pemurnian polisi mengenai pemberian insentif MyGift terhadap pemberian berbentuk barangan / peralatan (inkind))

KAEDAH PEMBERIAN INSENTIF

- 2.1 Tabung-tabung yang terlibat dengan pemberian insentif adalah:
 - i. Endowmen Kursi
 - ii. Endowmen Tajaan Makmal/Kemudahan
 - iii. Endowmen Biasiswa Pelajar
 - iv. Endowmen Kecemerlangan
 - v. Tabung Ramadhan
 - vi. Tabung Masjid
 - vii. Tabung Wakaf
 - viii. Tabung Bencana

- 2.2 Pemberian insentif melalui Tabung Sumbangan Tidak Patuh Syariah tidak termaktub dalam pemberian insentif ini dengan mengambilkira pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam yang memutuskan bahawa 'harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri”.

- 2.3 Staf atau ahli-ahli Kelab Alumni atau individu yang berdaftar boleh menggunakan kreativiti masing-masing untuk mendapatkan dana kewangan daripada mana-mana individu/syarikat/industri yang berpotensi serta perlu bertanggungjawab untuk menjaga nama baik UMP sepanjang perbincangan dijalankan.

- 2.4 Hanya sumbangan yang bernilai RM30,000.00 ke atas sahaja layak untuk diberikan insentif seperti di JADUAL 1: Kadar peratusan pemberian Insentif MyGift bagi Sumbangan Kewangan.

- 2.5 Staf, ahli-ahli kelab atau individu perlu mendaftarkan nama dan pihak yang sedang staf atau ahli-ahli Kelab Alumni berurusan sebelum atau selepas perbincangan telah dimuktamatkan.

- 2.6 Ketua inisiatif perlu mengisytiharkan nama staf atau ahli Kelab Alumni atau individu (jika melibatkan bantuan dari pihak ketiga) yang terlibat dalam menjayakan urusan tersebut berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui oleh semua pihak kepada Pegawai Unit Kelestarian bagi mengelakkan sebarang masalah pembahagian insentif di kemudian hari.

- 2.7 Ketua inisiatif bertanggungjawab untuk memaklumkan penyumbang mengenai caj pentadbiran yang akan dikenakan terhadap sumbangan yang disalurkan.
- 2.8 Ketua inisiatif perlu memastikan urusan perundingan berjaya bagi membolehkan Unit Kelestarian meluluskan pembayaran insentif kepada individu yang terlibat dengan menyertakan bukti sumbangan.
- 2.9 Unit Kelestarian akan membantu jika diperlukan. Walau bagaimanapun pembahagian insentif akan turut melibatkan Unit Kelestarian dengan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.
- 2.10 Sekiranya ketua inisiatif menggunakan peruntukan Universiti untuk sebarang usaha perundingan, maka pihak UMP berhak untuk membuat pemotongan ke atas amaun insentif yang akan diperolehi kelak setimpal/bersamaan dengan kos awal yang diperuntukan. Bagi tujuan ini pihak ketua inisiatif akan diminta untuk menandatangani borang khas sebagai tanda persetujuan.